

## **SOALAN-SOALAN LAZIM**

### **POLISI 1: PENGENALAN PEMAKAIAN MEKANISME PENYELAMAT KORPORAT, PERKIRAAN SUKARELA KORPORAT (*CORPORATE VOLUNTARY ARRANGEMENT (CVA)*) DAN PENGURUSAN KEHAKIMAN (*JUDICIAL MANAGEMENT (JM)*)**

#### **1. Mengapa mekanisme penyelamat korporat diperkenalkan kepada Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)?**

Sebagaimana syarikat, perkongsian liabiliti terhad bertanggungan sepenuhnya terhadap hutang dan liabiliti perniagaannya dan sewajarnya mekanisme rehabilitasi korporat yang komprehensif perlu juga disediakan bagi membolehkan perkongsian liabiliti terhad yang berdaya saing untuk meneruskan perniagaan. Kerangka mekanisme penyelamat korporat iaitu CVA dan JM dicadangkan untuk diperkenalkan pemakaianya kepada PLT bagi melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan, termasuk PLT, pembiutang, dan penyumbang modal, serta menyediakan proses yang berstruktur dan telus bagi PLT yang mengalami masalah kewangan untuk menangani krisis kewangan yang dihadapi.

#### **2. Apakah Perkiraan Sukarela Korporat (CVA)?**

PLT yang menjalankan proses CVA boleh menyediakan satu bentuk persetujuan penstrukturkan semula antara entiti perniagaan dan pembiutangnya. Dengan pengenalan CVA ini kepada PLT, proses CVA

akan membolehkan PLT yang mengalami masalah kewangan untuk memasuki pelan rehabilitasi. Selepas pemfailan CVA ke Mahkamah, suatu tempoh moratorium selama 28 hari akan bermula dan akan melindungi PLT daripada sebarang prosiding undang-undang termasuk petisyen untuk menggulung PLT. Tempoh moratorium boleh dilanjutkan kepada tempoh maksimum 60 hari. Tempoh moratorium adalah penting bagi membolehkan PLT dan mempertimbangkan pelan rehabilitasi dengan objektif memulihkan PLT.

### **3. Apakah Pengurusan Kehakiman (JM)?**

JM merupakan suatu proses rehabilitasi yang lebih formal di mana PLT perlu memohon kelulusan Mahkamah bagi satu perintah Pengurusan Kehakiman. Seorang Pengurus Kehakiman perlu dilantik untuk mengambil alih pengurusan PLT tersebut. Pengurus kehakiman yang dilantik akan membentangkan pelan pemulihan komprehensif untuk PLT yang mengalami masalah kewangan dengan membuat syor yang sesuai mengikut terma-terma yang dikenakan oleh Mahkamah.

Mahkamah hanya akan memberikan Perintah Pengurusan Kehakiman dalam keadaan di mana ia dapat ditunjukkan bahawa terdapat peluang yang munasabah, antara lain, mengekalkan semua atau sebahagian daripada PLT sebagai satu usaha berterusan dan agar kepentingan pembiutang lebih terjamin daripada tindakan penggulungan.

Dengan pengenalan JM ini kepada PLT, mana-mana PLT yang menghadapi masalah kewangan boleh mengunapakai proses

rehabilitasi bagi menyelamatkan sesebuah PLT tersebut dari digulungkan.

**4. Adakah semua mekanisme penyelamat korporat ini terpakai kepada semua PLT?**

Ya. Semua PLT yang menghadapi masalah kewangan boleh menggunakan CVA atau JM bagi tujuan memulihkan keadaan kewangan PLT.

**5. Sejauh manakah Mekanisme Penyelamat Korporat (CRM) akan membantu usahawan?**

Mana-mana usahawan yang menghadapi masalah kewangan boleh menggunakan CRM untuk menstrukturkan hutang mereka. Ini akan membantu PLT untuk terus beroperasi dalam keadaan tertentu.

**6. Sejauh mana peruntukan rehabilitasi ini melindungi pembiutang bagi sesebuah PLT?**

Kerangka mekanisme penyelamat korporat bertujuan untuk melindungi kepentingan semua pihak berkepentingan, termasuk syarikat, pembiutang, dan pemegang saham, serta menyediakan proses yang berstruktur dan telus bagi syarikat yang mengalami masalah kewangan untuk menangani krisis kewangan yang dihadapi.

Walaupun CVA dan JM bertujuan untuk merehabilitasi syarikat yang menghadapi masalah kewangan, peruntukan yang dicadangkan ini memastikan hak-hak pembiutang sentiasa terjaga.

### **Pembiayaan penyelamat**

#### **7. Bagaimana polisi berkaitan pembiayaan penyelamat yang dicadangkan akan memberi manfaat kepada PLT?**

Selaras dengan polisi cadangan pindaan yang turut menambah baik kerangka penyelamat korporat di bawah Akta 777, adalah dicadangkan supaya perkongsian liabiliti terhad yang telah diberikan perintah pengurusan kehakiman juga boleh mendapatkan pembiayaan penyelamat (*rescue financing*) serta perlindungan terhadap pembiayaan penyelamat tersebut sebagaimana yang terpakai kepada Syarikat agar ia boleh meneruskan perniagaan dan terus berdaya saing.

## **POLISI 2: MEMPERKENALKAN KERANGKA PELAPORAN PEMUNYAAN BENEFISIAL**

- 8. Apakah yang dimaksudkan dengan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial?**

Kerangka pelaporan pemunyaan benefisial adalah satu kerangka yang mengenakan obligasi ke atas PLT untuk mendapatkan, mengesahkan dan merekodkan maklumat pemunya benefisial mereka. PLT perlu menyimpan maklumat pemunyaan benefisial yang terkini dan menyerah simpan maklumat tersebut dengan Pendaftar seperti yang dikehendaki.

- 9. Apakah rasional untuk memperkenalkan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial melalui Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024?**

Kerangka pelaporan pemunyaan benefisial perlu diperkenalkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 agar ianya selari dengan polisi-polisi berkaitan kerangka pelaporan pemunya benefisial yang diperkenalkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2024. Polisi-polisi ini adalah seperti yang ditetapkan di bawah piawaian antarabangsa iaitu *Financial Action Task Force* (FATF) dan *Organisation for Economic Co-Operation and Development* (OECD) termasuklah amalan terbaik antarabangsa. Objektif utama piawaian tersebut adalah untuk membanteras

pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan termasuk juga aktiviti haram lain termasuklah rasuah dan pengelakan cukai.

Kerangka pelaporan pemunyaan benefisial ini juga akan meliputi definisi pemunya benefisial termasuk kawalan ke atas PLT selain daripada sumbangan modal.

**10. Apakah ciri-ciri utama kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang dicadangkan ini?**

Di bawah Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024, satu kerangka pelaporan pemunyaan benefisial yang komprehensif telah diperkenalkan melalui pengenalan keseluruhan Bahagian IIIA baharu yang meliputi:

- (i) kriteria pemunya benefisial, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 20A;
- (ii) daftar pemunya benefisial, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 20B;
- (iii) kuasa PLT untuk mendapatkan maklumat pemunaian benefisial daripada pekongsi dan mana-mana orang yang dikenal pasti sebagai pemunya benefisial atau mempunyai

maklumat berkaitan pemunya benefisial PLT itu, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 20C; dan

- (iv) kewajipan seseorang individu untuk memaklumkan PLT berkenaan statusnya sebagai pemunya benefisial PLT dan tanggungjawabnya termasuklah untuk memaklumkan sebarang perubahan terhadap statusnya sebagai pemunya benefisial dan butir-butir yang direkodkan di dalam daftar pemunya benefisial, seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 20D.

## **11. Siapakah pemunya benefisial PLT di bawah kerangka pelaporan ini?**

Di bawah seksyen 20A Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024, seorang pemunya benefisial sebuah PLT ditakrifkan sebagai seorang individu atau orang sebenar yang mempunyai milikan mutlak atau kawalan mutlak ke atas PLT melalui jumlah sumbangan modal di dalam PLT dan termasuklah seseorang yang mempunyai kawalan mutlak ke atas PLT itu.

Pendaftar akan mengeluarkan satu garis panduan bagi tujuan mengenal pasti seseorang pemunya benefisial.

## **12. Apa makna kawalan mutlak?**

Di bawah seksyen 20A Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024, seorang pemunya benefisial sebuah PLT ditakrifkan sebagai seorang individu atau orang sebenar yang mempunyai milikan mutlak atau kawalan mutlak ke atas PLT melalui jumlah sumbangan modal di dalam PLT dan termasuklah seseorang yang mempunyai kawalan mutlak ke atas PLT itu.

Pendaftar akan mengeluarkan satu garis panduan bagi tujuan mengenal pasti seseorang pemunya benefisial.

## **13. Apakah kriteria seorang pemunya benefisial?**

Terdapat 6 kriteria di bawah kerangka pemunyaan benefisial yang akan membantu PLT untuk mengenal pasti pemunya benefisial mereka:

- KRITERIA A**

Sekiranya seseorang individu memegang secara langsung atau tidak langsung tidak kurang daripada 20% jumlah sumbangan modal PLT;

- KRITERIA B**

Sekiranya seseorang individu memegang secara langsung atau tidak langsung tidak kurang daripada 20% hak untuk mengundi dalam PLT;

- **KRITERIA C**

Sekiranya seseorang individu mempunyai kawalan mutlak berkesan sama ada secara formal atau tidak formal terhadap PLT atau pekongsi atau pihak pengurusan PLT;

- **KRITERIA D**

Sekiranya seseorang individu mempunyai hak atau kuasa secara langsung atau tidak langsung melantik atau mengeluarkan seseorang pekongsi yang mempunyai majoriti jumlah hak untuk mengundi dalam PLT di dalam mesyuarat pekongsi;

- **KRITERIA E**

Sekiranya seseorang individu adalah pekongsi dan, di bawah suatu perjanjian dengan pekongsi yang lain, mengawal majoriti hak untuk mengundi dalam PLT; atau

- **KRITERIA F**

Sekiranya seseorang individu mempunyai kurang daripada 20% jumlah sumbangan modal atau hak untuk mengundi dalam PLT tetapi mempunyai kawalan berkesan atau pengaruh ke atas PLT.

Kriteria-kriteria di atas akan diperjelaskan di dalam garis panduan yang akan dikeluarkan oleh Pendaftar seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 20A.

**14. Apa matlamat utama mengenal pasti siapa pemilik mutlak?**

Pengenalan pelaporan pemunyaan benefisial ini akan menggalakkan ketelusan korporat di Malaysia dan meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan Pendaftar. Maklumat pemunyaan benefisial yang komprehensif dan lengkap akan membantu agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia dalam menjalankan siasatan terhadap jenayah serius yang dilakukan melalui entiti perniagaan.

**15. Bagaimanakah anda mengenal pasti seorang individu sebagai pemunya benefisial?**

Seseorang individu dikenal pasti sebagai seorang pemunya benefisial sekiranya beliau memenuhi mana-mana kriteria di atas. Perkara ini boleh ditentukan melalui rekod-rekod PLT seperti perjanjian perkongsian, daftar pekongsi, minit dan ketetapan termasuklah dokumen-dokumen lain yang menunjukkan terdapatnya kawalan atau pengaruh.

Sesebuah PLT boleh menamakan lebih daripada seorang pemuna benefisial berdasarkan dapatannya.

**16. Apakah kepentingan pengenalan kerangka pelaporan pemuna benefisial di dalam Akta PLT 2012 kepada sektor korporat di Malaysia?**

Pengenalan kerangka pelaporan BO bagi PLT akan melengkapkan keseluruhan pelaporan BO bagi entiti perniagaan di Malaysia.

Pengenalan pelaporan pemunyaan benefisial akan menggalakkan ketelusan korporat di Malaysia dan meningkatkan ketelusan maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan Pendaftar. Maklumat pemunyaan benefisial yang komprehensif dan lengkap akan membantu agensi-agensi penguatkuasaan di Malaysia dalam menjalankan siasatan terhadap jenayah serius yang dilakukan melalui entiti perniagaan.

**17. Adakah peruntukan undang-undang yang berkaitan berkenaan pelaporan pemunyaan benefisial di bawah Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 terpakai kepada semua PLT?**

Ya. Peruntukan undang-undang yang berkaitan tersebut adalah terpakai kepada semua PLT yang ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, melainkan dikecualikan.

Terdapat kategori PLT tertentu yang akan dikecualikan daripada keperluan pelaporan pemunaian benefisial jika PLT tersebut mempunyai obligasi pelaporan yang serupa di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain bagi mengelakkan pertindihan keperluan melapor. Pengecualian tersebut akan dibuat oleh Menteri KPDN

melalui perintah yang akan diwartakan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 20E Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024.

Walau bagaimanapun, PLT yang dikecualikan masih mempunyai obligasi untuk memaklumkan Pendaftar statusnya dan memberikan maklumat pengurusan kanan PLT kepada Pendaftar.

- 18. Adakah peruntukan undang-undang yang berkaitan berkenaan pelaporan pemunyaan benefisial di bawah Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024 terpakai kepada syarikat asing yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012?**

Ya. Kerangka pelaporan ini adalah terpakai kepada PLT asing yang didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 2 Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, ‘perkongsian liabiliti terhad’ ertinya suatu perkongsian liabiliti terhad yang didaftarkan di bawah seksyen 11 atau suatu perkongsian liabiliti terhad asing yang didaftarkan di bawah seksyen 45. Oleh itu kerangka pelaporan pemunyaan benefisial ini akan terpakai juga kepada perkongsian liabiliti terhad asing.

- 19. Siapakah yang patut bertanggungjawab terhadap maklumat pemunyaan benefisial PLT di bawah kerangka pelaporan pemunyaan benefisial ini?**

Pekongsi, Pegawai Pematuhan, ejen, pemunya benefisial dan mana-mana orang yang menerima notis di bawah seksyen 20C Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024.

**20. Siapakah yang akan mempunyai akses kepada daftar pemunya benefisial yang disimpan di peringkat PLT?**

Di bawah subseksyen 20B(9) Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024, berikut adalah orang-orang yang akan mempunyai akses kepada maklumat dalam daftar pemunya benefisial:

- (a) Agensi penguatkuasaan dan pihak berkuasa berwibawa yang menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan berdasarkan undang-undang bertulis masing-masing;
- (b) Pemunya benefisial; dan
- (c) Orang-orang yang mempunyai kebenaran daripada pemunya benefisial.

Mana-mana orang atau kelas orang yang mempunyai akses kepada daftar pemunya benefisial yang disimpan di pejabat berdaftar akan diwartakan oleh Menteri KPDN melalui perintah yang akan disiarkan melalui Warta seperti yang diperuntukkan di bawah subseksyen 20B(9) Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024.

**21. Siapakah yang akan mempunyai akses kepada daftar pemunya benefisial atau singkatannya, RBO, yang diserah simpan dengan Pendaftar?**

Di bawah subseksyen 20B(9) Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024, berikut adalah orang-orang yang akan mempunyai akses kepada maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan Pendaftar:

- (a) Agensi penguatkuasaan dan pihak berkuasa berwibawa yang menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan berdasarkan undang-undang bertulis masing-masing;
- (d) Pemunya benefisial;
- (e) Orang-orang yang mempunyai kebenaran daripada pemunya benefisial.
- (b) Pihak berkuasa awam; dan
- (c) Institusi pelapor yang diwartakan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Mana-mana orang atau kelas orang yang mempunyai akses kepada maklumat pemunyaan benefisial yang diserah simpan dengan Pendaftar akan diwartakan oleh Menteri KPDN melalui perintah yang akan disiarkan melalui Warta seperti yang diperuntukkan di bawah

subseksyen 20B(9) Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024.

- 22. Jika seseorang dinamakan sebagai pemunya benefisial, adakah ini bermakna orang itu dikaitkan dengan apa-apa aktiviti haram?**

Polisi berkaitan dengan pelaporan pemunyaan benefisial bertujuan membantu agensi penguatkuasaan untuk memerangi penyalahgunaan PLT yang digunakan untuk menjalankan aktiviti haram dan tidak mengaitkan seseorang individu yang telah dinamakan sebagai pemunya benefisial dengan risiko dan liabiliti perundangan.

- 23. Mengapa perlu mematuhi piawaian penarafan Financial Action Task Force (FATF) & Organisation for Economic Co-operation & Development (OECD)?**

Penarafan oleh badan antarabangsa seperti FATF dan OECD adalah perlu bagi memastikan sistem kewangan negara adalah bebas dari risiko dan ancaman pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan pengelakan cukai yang merugikan negara. Antara inisiatif yang diambil oleh FATF dan OECD adalah untuk memastikan pemilik mutlak sesuatu entiti perniagaan dapat dikenalpasti bagi memastikan entiti perniagaan tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab untuk menjalankan aktiviti-aktiviti seperti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan atau pengelakan cukai.

Malaysia merupakan anggota FATF sejak 2016. Negara-negara ahli FATF menjalani penilaian berkaitan kepatuhan terhadap piawaian yang dikeluarkan oleh FATF berhubung risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Malaysia akan menjalani penilaian FATF pada tahun 2024/2025. Perubahan yang dicadangkan di bawah RUU ini berkaitan penzahiran pelaporan pemunya benefisial adalah kritikal dalam usaha untuk memastikan Malaysia mematuhi sepenuhnya kehendak piawaian FATF. Pada masa ini, Malaysia dinilai sebagai mematuhi sebahagian sahaja daripada piawaian FATF berkaitan pelaporan pemunyaan benefisial. Ketidakpatuhan peruntukan FATF boleh menyebabkan Malaysia boleh dimasukkan ke dalam senarai kelabu (*grey-list*) atau hitam (*black-list*) mengikut tahap ketidakpatuhan.

OECD pula menjalankan penarafan berhubung isu penzahiran percukaian bagi negara-negara yang berdagang dengan negara-negara ahli OECD yang mempunyai keahlian sebanyak 38 negara. OECD menggunakan piawaian yang hampir sama dengan FATF berhubung pelaporan pemunyaan benefisial bagi memerangi ketirisan percukaian yang menggunakan struktur korporat yang kompleks.

**24. Dengan adanya cadangan pindaan RUU ini, apakah akan menambah beban kerja terhadap SSM? Bidang tugas dan skop kerja akan bertambah? Implikasi kewangan?**

Memandangkan kerangka pelaporan pemunyaan benefisial telah dilaksanakan oleh syarikat sejak Akta Syarikat 2016 diperkenalkan,

SSM sedia maklum berhubung beban kerja berkaitan pengenalan polisi yang dicadangkan di bawah RUU Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) ini. Proses sedia ada di bawah Akta Syarikat 2016 (dan Akta Syarikat (Pindaan) 2024) ini akan dikembangkan kepada PLT. Antara inisiatif untuk membantu pelaksanaan pelaporan pemunya benefisial, SSM telah membangunkan sistem pelaporan elektronik bagi membolehkan serahsimpan makluman BO dengan lebih efisien. Pasukan kerja SSM juga telah bersedia untuk memastikan peruntukan pelaporan ini dapat dipatuhi oleh semua PLT.

Cadangan pindaan ini tidak akan menambah beban kewangan kepada Kerajaan. Semua kos berkaitan pembangunan sistem dan pemantauan akan ditanggung sepenuhnya oleh SSM.

**25. Definisi pemunya benefisial termasuk individu yang memegang 20% jumlah sumbangan modal, nama tidak wujud, bagaimana hendak dikawal?**

Di bawah RUU yang dicadangkan ini, definisi pemunya benefisial bermaksud mana-mana individu yang mempunyai milikan mutlak atau kawalan mutlak terhadap suatu PLT. Mana-mana individu yang mempunyai sekurang-kurangnya 20% jumlah sumbangan modal PLT adalah dianggap sebagai pemunya benefisial. Di bawah seksyen 20D yang baharu, mana-mana individu yang merupakan seorang pemunya benefisial suatu PLT, iaitu nama individu tersebut tiada dalam daftar pekongsi PLT tetapi mempunyai pegangan sumbangan modal secara tidak langsung sebanyak 20% atau lebih, perlu melaporkan status itu

kepada PLT. Kegagalan berbuat demikian merupakan suatu kesalahan di bawah peruntukan yang berkaitan.

- 26. RUU ini mencadangkan supaya pemunya benefisial (BO) membuat laporan kepada SSM. Apa akan terjadi jika BO gagal untuk melaporkan atau enggan melaporkan?**

PLT mempunyai obligasi untuk mengenal pasti dan mendapatkan maklumat pemunya benefisial. Jika seseorang individu mengetahui bahawa beliau merupakan seorang pemunya benefisial kepada PLT tersebut, individu itu juga mempunyai obligasi untuk memaklumkan perkara berkenaan kepada PLT.

Maklumat pemunya benefisial yang diperolehi perlu dimasukkan ke dalam Daftar Pemunya Benefisial dan maklumat BO tersebut perlu dimaklumkan kepada Pendaftar dalam tempoh 14 hari dari tarikh maklumat BO tersebut direkodkan.

Dari masa ke semasa, Daftar Pemunya Benefisial itu perlu kemas kini dan sebarang perubahan perlu direkodkan. Sebarang perubahan maklumat BO juga perlu dimaklumkan kepada Pendaftar/SSM dalam masa 14 hari dari tarikh maklumat BO direkodkan.

Sekiranya PLT didapati gagal menyimpan atau melaporkan maklumat BO, PLT boleh didenda sehingga RM20,000. Sekiranya mana-mana individu gagal memaklumkan kepada PLT berhubung statusnya sebagai seorang pemunya benefisial, individu tersebut boleh didenda

tidak melebihi RM50,000 atau hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun.

## **POLISI 3: PENGUKUHAN AMALAN & TADBIR URUS KORPORAT**

### **27. Apakah objektif pindaan ke atas Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 daripada perspektif tadbir urus korporat?**

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan tahap tadbir urus yang tinggi di kalangan PLT dikekalkan, penambahbaikan kepada beberapa peruntukan dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dibuat ke arah menggalakkan pematuhan dan memudahkan perniagaan dijalankan berdasarkan keperluan semasa komuniti korporat.

### **28. Apakah pindaan utama kepada Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 yang akan memberi impak besar kepada komuniti korporat?**

- (i) Di bawah seksyen 76A Rang Undang-Undang Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2024, laman sesawang rasmi SSM boleh digunakan untuk mengiklankan dan menyiar maklumat sebagai ganti keperluan statutori untuk mengiklankan atau menerbitkan maklumat tersebut dalam akhbar yang diedarkan secara meluas di seluruh Malaysia. Polisi ini bertujuan untuk mengatasi isu-isu praktikal apabila pengedaran akhbar fizikal di seluruh Malaysia tidak lagi tersedia serta untuk mengurangkan kos pengiklanan yang tinggi;
- (ii) Melalui RUU ini pindaan yang dicadangkan turut akan menyelaraskan cara notis diberikan kepada PLT atau pekongsi PLT dengan Akta-akta lain yang dikawal selia oleh SSM.

- (iii) Selain itu, RUU ini juga akan memperkenalkan peruntukan baharu ke dalam Akta 743 untuk memperuntukkan tempoh pematuhan bagi apa-apa tindakan atau serah simpan dokumen apabila tempoh pematuhannya tidak dinayatakan dalam Akta 743